

Kajian Literatur

Pembangunan Industri Halal: Kajian Perbandingan Prosedur dan Proses Pensijilan Halal dan Pengauditan serta Cabaran dihadapi oleh Malaysia dan Thailand

(Halal Industry Development: A Comparative Study of Halal Certification and Auditing Procedures and Processes and Challenges in Malaysia and Thailand)

Fariyah Maisarah Sofian¹, Mohd Rafizey Dalin¹, Maysarah Madzen², Nik Adam Hasyim N. Shahbana³, Shannen Lovenia Kamal Singh⁴, Husna Husnul Khotimah Syafie⁵, Mohd Nor Shahizan Ali^{6*} & Siti Farhannie Mohd Adenan⁷

¹²³⁵Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia

¹⁶⁷Fakulti Sains dan Sosial Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia

⁴Fakulti Sains Forensik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: shahizan@ukm.edu.my

Abstrak: Industri dan pasaran produk halal di peringkat global semakin menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan selari dengan peningkatan jumlah umat Islam di dunia. Ini menyebabkan peningkatan permintaan terhadap produk seperti makanan, kosmetik, perubatan dan bahan gunaan halal. Berdasarkan kepada potensi ini, Malaysia dan Thailand telah mula mengorak langkah untuk menjadi negara hab halal dunia. Oleh itu, sudah pasti kedua-dua buah negara ini akan memastikan pensijilan halal mengikut konsep *halalan thoyyiban* yang bersifat komprehensif dan universal. Artikel ini bertujuan untuk membandingkan aspek prosedur dan proses protokol pensijilan halal dan pengauditan serta cabaran yang dihadapi dalam usaha membangunkan industri halal di kedua-dua buah negara. Metod yang digunakan adalah menggunakan reka bentuk kualitatif yang merangkumi temubual bersemuka bersama pihak-pihak terlibat dan analisis dokumen daripada sumber jurnal, website dan internet. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa, walaupun mempunyai latar belakang agama, kependudukan dan sosio-ekonomi yang berbeza, kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Thailand masih berpegang kepada konsep *halalan thoyyiban* yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah. Dari segi proses dan prosedur, Malaysia menguruskan pensijilan halal mengikut skim yang berbeza manakala di Thailand hanya mengguna pakai satu proses untuk semua produk. Selain itu, di Malaysia, permohonan boleh dilakukan secara online, manakala Thailand masih menggunakan sistem manual. Dari segi cabaran yang dihadapi pula, kedua-dua negara menghadapi isu yang hampir sama iaitu i) tiada akta halal yang jelas, ii) aktiviti penyeludupan yang masih berleluasa, iii) ketidakmampuan pemasaran efisien, iv) kurangnya pemahaman orang awam dan, v) sikap degil peniaga dan pengusaha mematuhi prosedur.

Kata kunci: Industri halal, pensijilan halal, Hub-Halal, Malaysia, Thailand

Abstract: The halal product industry and market at the global level is increasingly showing an encouraging increase in parallel with the increase in the number of Muslims in the world. This causes an increase in demand for food products, cosmetics, medicine, and halal consumables. Based on this potential, Malaysia and Thailand have started to take steps to become the world's halal hub countries. Therefore, it is certain that these two countries will ensure halal certification according to the comprehensive and universal concept of halal thoyyiban. This article aims to compare aspects of the procedures and processes of halal certification and auditing protocols as

well as the challenges faced in developing the halal industry in both countries. 19. The method used is a qualitative design that includes face-to-face interviews with the parties involved and document analysis from journal, website and internet sources. Overall, it can be concluded that, despite having different religious, population, and socio-economic backgrounds, both countries, namely Malaysia and Thailand, still adhere to the concept of *halalan thoyyiban* which is based on Al-Quran and Sunnah. In terms of processes and procedures, Malaysia manages halal certification according to different schemes while in Thailand only one process is used for all products. In addition, in Malaysia, applications can be made online, while Thailand still uses a manual system. In terms of the challenges faced, both countries are facing almost the same issue i) there is no clear halal act, ii) smuggling activities that are still rampant, iii) the inability to efficient marketing, iv) lack of public understanding and, v) the stubborn attitude of traders and entrepreneurs to comply with procedures.

Keywords: Halal industry, halal certification, Hub-Halal, Malaysia, Thailand

Pengenalan

Dengan jumlah penduduk Islam yang semakin meningkat di dunia, pasaran halal di peringkat antarabangsa telah mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan. Ini berpunca daripada kesedaran masyarakat terhadap produk dan komoditi halal yang digunakan setiap hari. Malah, konsep halal yang bersumberkan Islam bukan sahaja berteraskan faktor agama, ia juga menonjolkan kualiti produk dan komoditi sebagai badan utama. Berdasarkan potensi ini, sudah pasti negara atau institusi akan menyokong dan menggalakkan proses pensijilan halal bagi produk dan perkhidmatan yang diuruskan.

Secara umumnya, Sijil Pengesahan Halal (SPH) merujuk kepada dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh badan berautoriti yang mengisytiharkan status halal sesuatu makanan, pertubuhan, barangan atau perkhidmatan (JAKIM, 2014 dan Marliana Abdullah et al., 2015). Selain itu, SPH merujuk kepada pengurusan, penyembelihan, sanitasi, kawalan kualiti, penyimpanan, pengedaran dan proses lain bermula dari ladang ke meja “*from farm to table*” atau “*from breeding to retailing*”. Pensijilan itu adalah berdasarkan undang-undang Syariah dan tujuan utamanya adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna Islam tentang status halal yang merangkumi makanan, premis makanan, barang gunaan, kosmetik, rumah sembelih, farmaseutikal, logistik dan lain-lain. Tujuan SPH tidak lain tidak bukan adalah untuk memenuhi budaya pengguna dan produk yang memberi kesan kesihatan, selamat dan berkualiti.

Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia di mana kerajaan menyediakan sokongan penuh dalam menggalakkan proses pensijilan halal pada produk dan perkhidmatan. Badan-badan pensijilan halal di negara-negara lain sama ada dibangunkan oleh wilayah individu atau negeri atau disokong oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (HDC, 2015). Manakala di Thailand, industri halal mempunyai pasaran yang besar jika dibandingkan dengan peratusan Muslim yang hanya 10% daripada keseluruhan. Sehingga hari ini 4600 kilang memproses makanan mendapat pengesahan halal daripada CICOT dan dianggarkan 120,000 produk makanan di Thailand sudah mempunyai logo halal. Ia menjadikan Thailand antara pengeluar produk makanan halal terbesar di rantau Asean. Majoriti produk tersebut adalah untuk pasaran tempatan dan ini membuktikan pengguna Thailand memberi keutamaan pada produk yang selamat (baik- *tayyib*) terutama produk yang mendapat sijil halal. Kerajaan Thailand juga memberi sokongan dengan menyediakan peruntukan kewangan kepada *Halal Standard Institute of Thailand* bagi tujuan menguruskan hal ehwal agama Islam antara lain untuk mempromosikan industri makanan Thailand sebagai ‘*Kitchen of the World*’ (Halal Standard Institute of Thailand, 2015).

Pada hari ini, Malaysia dan Thailand menjadi negara sub halal di peringkat antarabangsa. Oleh itu, sudah pasti kedua-dua negara mempunyai perancangan yang telus seiring dengan konsep *halalan thoyyiban* dalam mengurus pensijilan halal. Oleh itu, kajian literatur ini adalah bertujuan untuk melihat perbandingan mengenai prosedur dan proses pensijilan halal dan pengauditan kedua-dua buah negara. Selain itu, penulisan ini juga merangkumi perbincangan mengenai latarbelakang industri halal serta cabaran yang dihadapi oleh kedua buah negara iaitu Malaysia dan Thailand dalam usaha membangunkan pensijilan halal di negara masing-masing.

Metodologi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang merangkumi kaedah temubual berstruktur bersama pihak-pihak terlibat dari Malaysia dan Thailand dan kaedah analisis dokumen. Di Malaysia, temubual bersemuka telah dijalankan bersama Encik Mohd Faizal bin Saaidin, Ketua Bahagian Pengurusan dan Pakar di UNIPEQ Sdn. Bhd dan Puan Rosa Adrienne Binti Anuar selaku Auditor atau Pegawai Pemeriksa Pensijilan Halal Malaysia. Manakala di Thailand, temubual bersemuka telah diadakan bersama Prof. Madya. Dr. Pakorn Priyakorn, Pengarah *The Halal Standard Institute of Thailand* (HSIT) dan beberapa orang pengkaji daripada *Halal Science Centre-Chulalongkorn University* (HSC-CU). Antara soalan yang ditanya kepada pihak-pihak terlibat adalah seperti; i) proses dan protokol PSH, dan ii) cabaran-cabaran industri halal. Soalan-soalan temubual telah disediakan terlebih dahulu dan disoal dalam keadaan separa formal.

Bagi analisis data, kesemua temubual yang diperolehi dirakam dan telah ditranskripsikan. Kemudian data-data tersebut dikumpul dan dianalisis untuk menjawab objektif kajian ini. Selain itu, data-data daripada dokumen-dokumen seperti jurnal, website dan internet diproses bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan dan sebagai bukti pengukuhan terhadap data yang telah diperolehi daripada temubual. Akhirnya, kesemua data daripada temubual dan dokumen-dokumen diteliti untuk dan dianalisis mengikut tema-tema yang bertepatan dengan tujuan asal kajian ini iaitu berkenaan prosedur dan proses PSH serta cabaran-cabaran dihadapi oleh kedua-dua negara Malaysia dan Thailand.

Dapatan dan Perbincangan

1. Latarbelakang Pembangunan Industri Halal

Malaysia

Industri halal di Malaysia berkembang seawal tahun 1970 dan kejayaan Malaysia sebagai perintis dalam industri halal semakin jelas apabila Pusat Penyelidikan Bahagian Halal Ehwat Islam di Pejabat Perdana Menteri mula mengeluarkan surat pensijilan halal bagi produk yang menepati kriteria halal dan kehendak syarak. Ini juga merupakan penglibatan pertama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memberi pengesahan status halal kepada produk makanan dan barangan gunaan Islam di Malaysia. Pada peringkat ini, JAKIM bertanggungjawab sebagai salah sebuah badan yang mengawal selia sijil produk halal di samping jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang turut melaksanakan pensijilan halal dengan logo masing-masing. Kemudiannya pada tahun 1994, pengesahan halal diberi dalam bentuk sijil pengesahan logo halal BAHEIS.

Pembangunan standard halal dan pensijilan halal di Malaysia kembali berkembang pada tahun 2002 apabila Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam, JAKIM telah ditubuhkan. Ia ditubuhkan sebagai badan pensijilan halal dengan tujuan menyelaraskan, mengeluarkan dan memantau sijil pengesahan halal serta menguatkuasakan semua peraturan berkaitan halal di Malaysia. Peredaran masa telah menyaksikan pelbagai perubahan apabila pengurusan halal di Malaysia sekali lagi mencatatkan perubahan yang besar dan memberikan impak kepada keseluruhan struktur pentadbiran pensijilan halal. Bahagian Hub Halal JAKIM telah dikembangkan kepada dua bahagian utama iaitu Sekretariat Majlis Halal Malaysia (MHM) dan Bahagian Pengurusan Halal (BHP).

Pembangunan dan pertumbuhan pensijilan halal yang pesat di Malaysia telah mendorong JAKIM untuk meluaskan bahagian halal ke organisasi yang lebih besar yang dinamakan Bahagian Pengurusan Halal (BPH). Program pengiktirafan JAKIM untuk badan halal antarabangsa merupakan sebuah program pengiktirafan sistem halal dua hala yang paling ketat di dunia dengan lebih 50 badan antarabangsa berdaftar setakat ini. Logo halal Malaysia yang ikonik mempunyai ciri yang paling dicari dan diiktiraf di peringkat global dan berfungsi sebagai lambang untuk reputasi negara sebagai hab halal terkemuka.

Thailand

Di Thailand, terdapat empat peringkat pembangunan pensijilan halal yang dinamakan sebagai Halal 1.0, Halal 2.0, Halal 3.0 dan Halal 4.0 (Pakorn Priyakorn, 2017). Tahap pertama atau Halal 1.0 bermula sebelum tahun 1949. Pada tahap pertama ini, status halal produk dan perkhidmatan bagi pengguna Muslim di Thailand hanya dinilai

menggunakan pendapat ulama Islam tanpa adanya proses pengesahan dan kertas perakuan. Dalam fasa ini juga, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan mengiktiraf pemeriksaan halal pusat penyembelihan di sektor swasta Thailand oleh Pertubuhan Islam dari negara Arab.

Setelah menginjak ke era Halal 2.0 telah menunjukkan pelbagai usaha terhadap pembangunan industri halal Thailand yang bermula pada tahun 1970 hingga 1996. Fasa ini bermula apabila status halal mula disahkan oleh para ulama di pejabat Sheikhu Islam. Pensijilan halal dari pejabat sheikhu Islam Thailand juga dianggap sebagai pengeluar pensijilan halal pertama di dunia. Pada tahun 1981, *Thai Industrial Standards Institute (TISI)*, *Ministry of Industry* menjadi wakil Thailand dalam mesyuarat pertama *The Code of Conduct in Asia (CCASIA)* yang berlangsung di India. TISI telah mengiktiraf cadangan draf piawaian penyediaan daging untuk kegunaan orang Islam yang disediakan oleh lawatan delegasi Malaysia.

Halal 3.0 bermula pada tahun 1997 hingga 2016 dan merupakan fasa yang paling penting bagi Thailand dimana pada tahun 1998 merupakan langkah pertama dalam pembangunan piawaian halal Thailand berdasarkan *Codex Alimentarius Commission* sebagai asas. Sejak pengisytiharaan mengenai pentadbiran pertubuhan Islam pada tahun 1997, *The Central Islamic Council of Thailand (CICOT)* dan *Islamic Committee of the Provinces (ICOP)* telah diberikan kuasa dalam pengurusan semua pengesahan halal. Piawaian dan pensijilan halal di Thailand telah dipertingkatkan secara berterusan dengan sokongan besar Kerajaan Diraja Thailand sepanjang dua dekad yang lalu. CICOT telah ditubuhkan sebagai kuasa tertinggi yang dipimpin oleh Sheikhu Islam sebagai presiden. Sementara ICOP mempunyai kuasa penuh untuk menjadi badan pensijilan halal. Pada tahun 2002, Kabinet Diraja Thailand telah meluluskan penubuhan *The Halal Standards Institute of Thailand (HSIT)* sebagai tonggak akademik dan *The Halal Science Center Chulalongkorn University* sebagai pusat maklumat dan perkhidmatan saintifik serta makmal untuk mempromosi dan pembangunan makanan halal.

Pembangunan sijil halal di Thailand terus berkembang pada Halal 4.0 bermula tahun 2017 hingga kini. Dengan hala tuju dan keazaman yang kuat, pertumbuhan dan pembangunan halal industri di Thailand telah berkembang dengan pesat iaitu sebanyak 170,000 produk halal telah direkodkan. Selain itu, pada tahun 2017 Thailand telah dilantik sebagai ahli penilai bagi Institut Standard dan Metrologi Negara-negara Islam (SMIIC) yang merupakan sebuah badan standard untuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Menjadi sebahagian daripada SMIIC dan OIC telah mendorong Thailand untuk membangunkan standard halal yang pelbagai dan lebih penting untuk kegunaan masyarakat dunia. CICOT bersama dengan HSC-CU telah dilantik sebagai pakar dalam undang-undang Islam dan saintis dalam bidang halal serta berganding bahu dengan HSIT dalam mencapai misi yang dibawa oleh OIC dan SMIIC. Wakil Thailand bersama dengan ahli dan penilai yang lain telah bekerjasama dalam merangka piawaian halal dan sehingga tahun 2020, Thailand sangat proaktif dan memberikan komitmen yang tinggi dalam merangka pelbagai piawaian seperti :

- OIC/SMIIC 1 (2019): *General Requirements for Halal Food*
- OIC/SMIIC 2 (2019): *Conformity Assessment - Requirements for Bodies Providing Halal Certification*
- OIC/SMIIC 3 (2019): *Conformity Assessment - Requirement for Halal Accreditation Bodies Accrediting Halal Conformity Assessment Bodies*
- OIC/SMIIC 4 (2019): *Halal Cosmetics -General Requirement*
- OIC/SMIIC 6 (2019): *Particular Requirements for the Application of PIC/SMIIC 1 to places where Halal Food and Beverages are Prepared, stored, and Served*
- OIC/SMIIC 9 (2019): *Halal Tourism Services - General Requirement*
- OIC/SMIIC 17 (2020): *Halal Supply Chain Management System*
 - Part 1: Transportation - General Requirements*
 - Part 2: Warehousing*
 - Part 3: Retailing*
- OIC/SMIIC 18 (2021): *Halal Quality Management System - Requirements*

Baru-baru ini pada tahun 2022, pihak kerajaan Thailand telah meluluskan penubuhan *Thailand Halal Task Force* bertujuan untuk menerokai pasaran makanan halal global yang bernilai USD30 trilion. *Thailand Halal*

Task Force ditubuhkan dibawah *Halal Blueprint Initiative* dan terdiri daripada ahli bagi mempromosikan standard halal bagi produk pertanian dengan matlamat untuk mengembangkan perdagangan dan pelaburan melalui halal industri. *Thailand Halal Task Force* merupakan gabungan usaha pihak kerajaan dan sektor swasta seperti CICOT, HSIT, HSC-CU, *Halal Institute Prince of Songkla University* dan wakildaripada Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kementerian Perdagangan, Kementerian Hal Ehwal Negeri dan Kementerian Industri.

2. Badan Organisasi yang Bertanggungjawab

Malaysia

Jabatan Kemajuan Agama Islam atau JAKIM telah diberikan mandat daripada pihak kerajaan untuk menjadi urusetia kepada badan-badan penyelaras membuat dasar mengenai hal ehwal agama Islam. JAKIM merupakan agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada MKI. Maka JAKIM bertanggungjawab untuk melaksanakan tiga fungsi utama iaitu penggubalan dan penyeragaman undang-undang syarak, penyelarasan dan pembangunan pendidikan Islam dan penyelarasan pentadbiran Islam. JAKIM juga bertanggungjawab sebagai bahagian pengurusan halal di Malaysia. Dalam skop berkaitan halal, JAKIM bertindak sebagai pihak berkuasa berwibawa dalam Pensijilan Halal Malaysia merangkumi pengesahan halal, pemeriksaan dan pengesahan halal rumah sembel luar negara, penganalisaan sampel produk, penyampaian maklumat dan khidmat nasihat halal serta penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011. JAKIM melalui Bahagian Pengurusan Halal (BPH) akan menguruskan operasi dokumen permohonan pensijilan produk dan premis, pengauditan produk dan premis pengeluaran sijil halal, pengesahan rumah sembelih luar negara, pemantauan dan penguatkuasaan halal dan pusat analisis halal.

Akta Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1972 telah dipinda untuk menamakan JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai badan pengeluaran tunggal pensijilan Halal di Malaysia. Maka melalui pindaan ini menjadikan MAIN dan JAIN mempunyai bidang kuasa dalam prosedur pensijilan dan proses kerja dalam pengeluaran dan pemantauan sijil halal. Manakala JAKIM pula bertindak sebagai pengeluar dan pencetak sijil Halal yang diuruskan oleh pengurusan halal JAKIM sahaja. Ekoran daripada perkembangan permintaan industri halal, JAKIM telah mewujudkan Makmal Panel Halal (MPH) bagi membantu JAKIM dalam mempercepat proses pemberian sijil halal. Terdapat tiga buah makmal yang dilantik sebagai MPH iaitu Unipeq Sdn. Nhd, Halvec Laboratories Sdn. Bhd dan ALS Technichem (M) Sdn. Bhd.

UNIPEQ Sdn. Bhd sebagai contoh, telah dilantik oleh JAKIM untuk menjalankan analisis makmal, mengeluarkan data dan keputusan makmal seterusnya dikongsi dengan pihak JAKIM bagi tindakan seterusnya. UNIPEQ juga dberfungsi bagi memastikan halal sentiasa terjaga melalui teknologi yang dapat mengesan penggunaan bahan berunsur khinzir dan alkohol menggunakan teknologi *Polymerase Chain Reaction* dan *Gas Chromatography With Flame Ionization Detector*. UNIPEQ juga berfungsi sebagai penyelia latihan halal bagi melahirkan Eksekutif Halal dan Pengaudit Halal yang berfungsi dalam proses pensijilan halal. UNIPEQ telah mendapat Sijil AKreditasi Makmal Malaysia (SAMM) ISO atau IEC 17025 *General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories* pada tahun 2006 sekali gus memerikan gambaran bahawa UNIPEQ mempunyai aktiviti pengujian dan pengurusan kualiti diyakini dan diiktiraf di peringkat antarabangsa serta kredibel.


Thailand

Masyarakat Muslim di Thailand merupakan masyarakat minoriti dengan hanya mencatatkan populasi sebanyak 5.8 Juta atau bersamaan dengan 8 peratus daripada keseluruhan populasi rakyat di Thailand. Bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan hal ehwal masyarakat muslim, Thailand menggunakan struktur pentadbiran organisasi islam yang diketuai oleh Sheikhul Islam. Ini dinyatakan dalam Akta Pentadbiran Pertubuhan Islam (1997) bahawa perlu ada satu jawatankuasa yang dipanggil *Thai Islamic Center Committee* yang terdiri daripada Sheikhul Islam sebagai pengerusi dan ahli jawatankuasa yang dilantik oleh *Regional Religious Council*. Tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk membantu Sheikhul Islam dalam hal ehwal agama Islam di Thailand. Struktur ini seterusnya diikuti oleh *Central Islamic Council of Thailand (CICOT)* yang merupakan sebuah badan

atau organisasi kerajaan yang bertanggungjawab bagi pensijilan, pemantauan, dan penyeliaan produk halal di Thailand serta bertanggungjawab dengan Halal Islam bagi masyarakat Muslim di Thailand. CICOT terdiri daripada 53 ahli yang terdiri daripada 40 ahli daripada *Provincial Islamic Committees* dan 13 ahli yang dilantik dari oleh Sheikhul Islam.

Struktur ini seterusnya diikuti oleh Jawatankuasa Islam Wilayah yang terdiri daripada 600 orang bagi 40 wilayah. Struktur ini boleh digambarkan melalui rajah di bawah. Selain itu, masjid juga menjadi sebuah institusi asas dalam pengurusan hal ehwal Islam di Thailand. Untuk kawasan yang mempunyai jumlah penduduk Islam yang tinggi, maka lebih banyak masjid akan dibina. Masjid Committee di Thailand yang dicatatkan adalah seramai 60,000 yang dilantik secara terus oleh ahli-ahli Masjid. Struktur pentadbiran ini boleh dilihat melalui Rajah 1.

Rajah 1. Struktur Pengurusan dan Pentadbiran Islam Thailand



Struktur pentadbiran ini secara tidak langsung telah memberi gambaran kepada masyarakat dunia bahawa pengurusan masyarakat Muslim di Thailand bukan sahaja tertumpu kepada sebuah kumpulan atau wakil-wakil tertentu sahaja bahkan ia terdiri daripada sekumpulan orang Islam daripada pelbagai peringkat dan hierarki. Perkara ini menjadikan struktur kepengurusan di Thailand sebuah institusi yang berkuasa untuk menjalankan fungsi dan peranannya dalam hal ehwal Islam. Maka, tidak mustahil industri halal di Thailand berjaya menjadi pembekal produk halal utama di dunia.

Di Thailand, *The Central Islamic Council of Thailand* (CICOT) bertanggungjawab dalam menguruskan hal berkaitan pensijilan halal sekaligus menjadi sebuah organisasi tunggal dan terbesar yang menyelaras pelbagai aktiviti berkaitan hal ehwal Islam sejak dua dekad yang lalu. Sebagai badan pensijilan halal utama di Thailand, CICOT bertindak sebagai perancang dasar, menyediakan latihan kepada juruaudit, menyediakan penyelia penyembelihan, menyediakan perunding halal dalam industri makanan dan penyembelihan. CICOT juga bertanggungjawab dalam menentukan standard produk halal mengikut prinsip Islam, meluluskan penggunaan logo halal pada produk, menjadi *Halal Accreditation Body* (HAB), menjadi *Halal Certification Body* (HCB), menyelaras dan menyelia unit yang berkaitan dengan operasi halal.

Bersama-sama dengan CICOT, *The Halal Standard Institute of Thailand* (HSIT) dan *Halal Science Center-Chulalongkorn University* (HSC-CU) juga institusi yang memberi sokongan dan bantuan dalam mengekalkan piawaian produk halal Thailand. *The Halal Standard Institute of Thailand* (HSIT) merupakan agensi rasmi yang bertanggungjawab dalam menguruskan pengeluaran sijil dan logo halal di Thailand. HSIT merupakan agensi berkanun dibawah CICOT dan ditubuhkan pada 11 Ogos 2003 dengan tujuan utama penubuhannya untuk membangunkan standard produk halal di Thailand dengan pemantauan dan kawalan daripada pihak CICOT. HSIT juga bertanggungjawab dalam memberi latihan untuk membangunkan tenaga kerja berkaitan produk halal, menyokong pengeluaran dan meluaskan peluang eksport produk halal, meningkatkan pengetahuan dan

pemahaman tentang standard halal bagi meningkatkan kebolehpercayaan masyarakat serta menyelaras dan bekerjasama dengan badan awam dan swasta bagi membangunkan produk halal Thailand di peringkat domestik dan antarabangsa.

Halal Science Center-Chulalongkorn University (HSC-CU) merupakan salah satu badan yang membantu CICOT dalam proses pemberian sijil halal di Thailand. Pengasas HSC-CU ialah Assoc. Prof. Dr. Winai Dahlan pada tahun 1995 yang hanya bermula di sebuah makmal sains kecil di Fakulti Sains dan Kesihatan, Universiti Chulalongkorn. HSC-CU merupakan sebuah badan berasingan yang ditubuhkan di Universiti Chulalongkorn, Bangkok dan bertindak sebagai badan sokongan kepada pensijilan halal di Thailand. HSC-CU diiktiraf sebagai pusat halal sains pertama di dunia yang memfokuskan kepada pembangunan halal sains serta membangunkan teknologi dan pelbagai inovasi halal. Ia juga ditubuhkan bagi menghasilkan karya akademik yang diterbitkan dalam jurnal nasional dan antarabangsa, mencipta inovasi seperti kit ujian untuk digunakan dalam menganalisis produk dan makanan halal, memberikan khidmat konsultansi kepada industri makanan, restoran, syarikat penerbangan, hotel dan hospital yang ingin menghasilkan makanan dan perkhidmatan halal. HSC-CU menyediakan perkhidmatan sains dan teknologi kepada masyarakat melalui perkhidmatannya yang terdiri daripada tiga jenis iaitu makmal sains forensik halal, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan kepada sektor luar. Ia juga menjadi platform kepada mereka yang berminat dengan industri halal seperti dalam kalangan pelajar, sektor awam atau swasta, dan masyarakat yang ingin mempelajari mengenai teknologi, inovasi, sejarah, perniagaan dan pendidikan tambahan serta pembangunan kemahiran melalui pelbagai platform.

3. Prosedur dan Protokol Pensijilan Halal dan Pengauditan

Malaysia

Menurut JAKIM, pemohon atau pengilang yang layak membuat permohonan sijil halal ialah syarikat atau perniagaan yang telah berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah beroperasi sepenuhnya sekurang-kurangnya tiga bulan serta mengeluarkan atau mengendalikan produk halal dan mematuhi standard halal yang ditetapkan. Syarikat pemohon juga perlu memenuhi keperluan umum pensijilan halal di Malaysia yang merangkumi konsep halal dan *toyiban* seperti keperluan bahan mentah/ ramuan/ bahan, bantuan pemprosesan, pembungkusan dan pelabelan, kilang, premis makanan, pekerja dan lain-lain. Selain itu, pemohon juga perlu memenuhi keperluan khusus pensijilan mengikut skim yang terdiri daripada tujuh skim berbeza. Prosedur permohonan sijil halal juga adalah berbeza antara skim. Maka, setiap pemohon perlu memenuhi keperluan dan mengikut prosedur mengikut skim perniagaan atau syarikat yang dijalankan. Antara skim tersebut ialah:

- Produk Makanan/Minuman/Makanan Suplemen
- Premis Makanan/Hotel
- Barang Gunaan
- Kosmetik dan Dandanan Diri
- Rumah Sembelih
- Farmaseutikal
- Logistik

Permohonan sijil pengesahan halal di Malaysia dilaksanakan secara atas talian melalui aplikasi *MYeHALAL* yang merupakan sistem aplikasi pensijilan halal Malaysia yang merangkumi proses-proses *standard* halal Malaysia secara menyeluruh. Kecanggihan dan keunikan aplikasi ini sekaligus telah menjadikan Malaysia sebagai satu-satunya di dunia yang mengawal dan menguruskan pensijilan halal secara langsung dan menyeluruh. Dokumen sokongan hendaklah diserahkan kepada JAKIM/JAIN setelah permohonan dihantar dan dikemukakan melalui sistem *MYeHALAL*. Permohonan yang lengkap seterusnya akan menerima surat bayaran caj perkhidmatan pensijilan, manakala sekiranya terdapat permohonan yang tidak lengkap, ia akan ditolak oleh sistem *MYeHALAL* secara automatik. Bagi setiap permohonan akan dikenakan fi pensijilan yang dikenakan untuk tempoh dua tahun kecuali permohonan rumah sembelih iaitu untuk tempoh setahun sahaja. Kadar fi ini ditetapkan mengikut skim pensijilan halal Malaysia dan kategori industri.


Setelah permohonan memenuhi semua prosedur yang ditetapkan selesai, proses pengauditan akan dijalankan oleh minima dua orang pegawai yang kompeten dalam bidang halal ehwal Islam dan bidang teknikal yang berkaitan. Pengauditan dijalankan untuk menyemak dan menilai borang permohonan *MYeHALAL* serta dokumen sokongan yang diterima adalah menepati keperluan prosedur pensijilan halal Malaysia. Skop pemeriksaan perlulah mengandungi beberapa aspek penting seperti keperluan umum dan khusus pensijilan, dokumentasi dan profil syarikat, peralatan, penyimpanan, pengangkutan, pengurusan sisa buangan, fizikal premis dan lain-lain. Auditor juga perlu melaksanakan mesyuarat pembukaan, semakan dokumen, pemeriksaan lapangan, penyediaan laporan dan mesyuarat penutup serta menyediakan laporan pengauditan melalui sistem *MYeHALAL*.

Semasa proses pengauditan, auditor berhak mengambil perkara-perkara penting seperti gambar dan sampel produk, bahan mentah atau ramuan yang diragui status halal untuk tujuan analisis makmal mengikut prosedur yang ditetapkan. Sampel tersebut perlu dibawa ke makmal kerajaan yang telah diakreditasi berdasarkan kepada ISO/IEC 17025 seperti UNIPEQ Sdn. Bhd untuk penelitian Panel Pengesahan Halal. Auditor perlu menjalankan pengauditan susulan berdasarkan kepada keputusan Panel Pengesahan Halal bagi tujuan verifikasi ke atas pemohon. Bagi pemohon pula, semasa tempoh pengauditan, pemohon hendaklah bersedia untuk diaudit, menyediakan suatu bentuk pembentangan ringkas berkaitan permohonan sijil halal serta menyediakan dokumen dan rekod yang diperlukan. Kegagalan pemohon untuk mematuhi prosedur pengauditan yang telah ditetapkan boleh menjejaskan proses permohonan sijil halal.

Pemohon yang telah berjaya melalui proses pensijilan halal dan pengauditan akan diberikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Pemantauan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan ke atas pemegang sijil halal tertakluk kepada undang-undang berkaitan seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Akta Cap Dagangan 1976 dan lain-lain. Pegawai yang bertanggungjawab akan melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan tanpa pemakluman kepada pemohon. Sekiranya terdapat kesalahan melanggar mana-mana akta yang ditetapkan dikesan, pemegang sijil halal akan dikenakan tindakan mengikut tingkat kesalahan. Sekiranya kesalahan kecil atau teknikal seperti kesalahan berkaitan kebersihan dan sanitasi, Notis Pemantauan Pensijilan Halal Dan Notis Ketidakkuratan Pensijilan Halal Malaysia akan dikeluarkan. Syarikat diberikan tempoh 14 hari untuk melaksanakan pembedulan seterusnya pemeriksaan susulan akan dilaksanakan oleh Pegawai Pemeriksa. Sekiranya kesalahan besar seperti pemalsuan dan penyalahgunaan sijil halal, syarikat boleh dikenakan tindakan penggantungan sijil oleh Pegawai Pemeriksa dan akan dikemukakan kepada Panel Pengesahan Halal untuk keputusan muktamad. Sekiranya kesalahan serius yang melibatkan kesalahan Syariah dan teknikal, ia boleh membawa kepada penarikan balik Sijil Pengesahan Halal Malaysia oleh Pegawai Pemeriksa. Kesalahan ini termasuklah kesalahan seperti penggunaan bahan haram, penyimpanan produk halal bersama produk haram, memproses haiwan yang tidak sempurna sembelihan dan lain-lain.

Pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia perlulah bertanggungjawab ke atas untuk memastikan piawaian Pensijilan Halal Malaysia dipatuhi. Pengurusan pensijilan halal di Malaysia meliputi prosedur dan protokol yang dikawal ketat oleh akta, standard dan prosedur yang digubal selari dengan kehendak syariah bagi memastikan produk yang dihasilkan adalah produk *halal-tayyib* dan selamat serta menjadi pilihan bagi pengguna Muslim dan bukan Muslim. Hal ini juga bagi memastikan kepercayaan masyarakat terhadap pentadbiran dan pengurusan halal Malaysia dapat ditingkatkan. Rajah 5 di bawah menunjukkan prosedur permohonan Pensijilan Halal dan Proses Pengauditan di Malaysia.

Rajah 5. Prosedur Permohonan Pensijilan Halal dan Proses Pengauditan di Malaysia



Sumber: UNIPEQ (2020)

Thailand

Rajah 2 di bawah menunjukkan prosedur pensijilan dan pengauditan di Thailand. Prosedur pensijilan halal di Thailand diuruskan sepenuhnya oleh CICOT. Pada peringkat pertama, pegawai CICOT akan menerima permohonan daripada pemohon dan menyaring dokumen yang dihantar oleh pemohon. Sekiranya dokumen yang dihantar gagal dan tidak menepati syarat, pemohon dikehendaki untuk melakukan pembedulan dan menyerahkan semula permohonan. Bagi pemohon baharu yang sebelum ini tidak mempunyai pensijilan halal dikehendaki untuk menghadiri latihan yang akan dilaksanakan oleh HSIT. Sejurus tamat latihan, permohonan akan dikemukakan kepada bahagian yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan kelulusan permohonan. Sekiranya permohonan gagal, pemohon perlu membuat pembedulan dan menyerahkan semula permohonan. Sekiranya permohonan telah lulus, pihak CICOT akan membentuk sebuah jawatankuasa audit yang terdiri daripada ahli akademik Islam, saintis makanan, pakar industri pembuatan dan pakar dari Jabatan Ternakan sekiranya kes melibatkan rumah penyembelihan.


Sebelum audit dijalankan, pegawai bertanggungjawab akan menetapkan tarikh dan masa yang sesuai dan dipersetujui bagi menjalankan pengauditan. Pada ketetapan tarikh dan masa tersebut, pasukan audit akan


menjalankan pengauditan yang meliputi keseluruhan proses perniagaan, gudang, inventori bahan mentah dan lain-lain. Mereka juga akan mengumpul sampel produk dan bahan mentah yang mempunyai kemungkinan tidak mematuhi syariah. Sampel yang dikumpul kemudiannya akan dihantar ke HSIT dan seterusnya dihantar ke HSC-CU bagi menjalani analisis makmal. Keputusan analisis akan dihantar kembali kepada HSIT, dimana pegawai bertanggungjawab mengumpul keputusan untuk diserahkan kepada *Halal Affairs Committee*. Selepas mendapat kelulusan daripada *Halal Affairs Committee*, permohonan akan dikemukakan kepada CICOT untuk kelulusan akhir bagi penggunaan logo halal.


Pemohon akan dimaklumkan oleh pegawai bertanggungjawab sekiranya permohonan yang dikemukakan telah diluluskan sepenuhnya dan logo halal akan diberikan. Pemohon juga akan menerima sijil halal dan secara rasmi tertakluk di bawah kontrak penggunaan halal. Pihak pegawai juga akan memberi kod khusus pengendali perniagaan. Sijil halal yang diberikan turut mengandungi tandatangan Sheikhul Islam atas kapasitinya sebagai pihak yang mempunyai kuasa dan kedudukan tertinggi dalam pentadbiran. Proses ini tidak akan terhenti disini sahaja, pendaftaran dan pengumpulan data oleh HSIT akan dilaksanakan yang meliputi pengumpulan maklumat seperti pengusaha/penyelia penyembelihan halal, perangkaan penyembelihan termasuklah maklumat mengenai pegawai pengawasan dan perunding halal. Selain itu, CICOT juga akan melantik *Surveillance Officer* untuk mengawasi penggunaan logo halal dan pelanggaran para pengguna logo halal.

Rajah 2. Prosedur Pensijilan Halal dan Pengauditan di Thailand

PROSEDUR PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL DAN PROSES PENGADUITAN				
Pemohon/ Firma	<i>The Provincial Islamic Committee</i>	<i>The Central Islamic Council of Thailand</i>	<i>The Halal Standard of Thailand</i>	<i>The Halal Science Center Chulalongkorn University</i>







Berikut ditunjukkan contoh tanda dagangan untuk produk halal yang telah disahkan di Thailand.

Rajah 3. Contoh Tanda Dagangan untuk Produk Halal yang telah Disahkan




Sumber: The Central Islamic Council of Thailand (2021)

Rajah 4 menunjukkan kod khusus yang diberikan kepada peniaga yang terdiri daripada 12 digit yang dapat memberikan maklumat kepada pengguna mengenai beberapa elemen seperti jenis produk, kod syarikat, item produk, bulan dan tahun terbitan. Inisiatif ini akan membantu untuk meningkatkan keyakinan dalam kalangan pengguna untuk memilih produk halal dan diyakini. Di Thailand, terdapat sembilan jenis pensijilan halal, antaranya:

- Produk makanan
- Rumah penyembelihan, penyembelih dan pemprosesan daging
- Perkhidmatan makanan, minuman dan dapur
- Produk halal, produk yang diproses, bahan mentah, campuran, daging halal import
- Pengangkutan dan logistik
- Kesihatan dan produk kosmetik
- Bungkus
- Produk utiliti
- Dokumen untuk dieksport

Rajah 4. Kod Khusus Produk Halal



Sumber: The Central Islamic Council of Thailand (2020)

4. Cabaran-cabaran yang dihadapi

1. Tiada akta halal yang jelas

Cabaran utama isu halal di Malaysia adalah dari sudut perundangan kerana Malaysia tidak mempunyai Akta Halal yang boleh dipakai ke seluruh negara (Buang & Mahmud, 2012). Perkara yang menjadi halangan untuk menggubal akta ini adalah persoalan berkenaan halal berkaitan agama Islam, akan terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh itu, ia dikira melanggar perlembagaan untuk meluluskan undang-undang seperti Akta Halal di peringkat persekutuan yang menjejaskan perkara di bawah kawalan negeri. Kebenaran langsung organisasi kerajaan pusat seperti JAKIM untuk memantau dan melaksanakan langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang adalah diperlukan untuk Akta Halal ini. Cabaran ini turut disokong dalam kajian Syed Ager (2019), di mana pengkaji menyatakan bahawa sekiranya Akta Halal dapat diwujudkan, pegawai JAKIM akan mempunyai bidang kuasa sendiri dan menyelaras perkara-perkara berkaitan halal yang kini terpecah di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Tetapi kerana ia termasuk pengambilalihan beberapa bidang kuasa yang telah wujud di agensi lain untuk diletakkan di bawah JAKIM, ini sudah pasti menimbulkan masalah, khususnya dalam topik yang berkaitan dengan aspek teknikal.

Pada masa yang sama, Thailand juga tidak mempunyai Akta Halal rasmi (Syed Ager, 2019). Akta Pentadbiran Pertubuhan Islam (1997), yang mengesahkan status CICOT sebagai pihak berkuasa yang berwibawa untuk menguruskan hal ehwal agama Islam di Thailand, termasuk pentadbiran pensijilan halal di Thailand. Kementerian dan organisasi lain yang berkaitan, seperti Kementerian Kesihatan, Pertanian, dan Perdagangan, antara lain, bergantung kepada skop dan bidang tanggungjawab, menyokong CICOT dalam menjalankan tugasnya. Di Thailand, undang-undang yang digunapakai untuk pengurusan isu halal adalah “Peraturan B.E 2552 Jawatankuasa Pusat Islam Thai Mengenai Isu Halal”. Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 18(5)(9) Akta Pertubuhan Islam BE 2540, Perintah Pentadbiran Agama. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan pengurusan isu halal yang lancar dan cekap serta mewujudkan langkah halal dan kawalan kualiti. Penggunaan logo halal di Thailand. Termasuk dalam Peraturan Suruhanjaya Islam Pusat Thailand mengenai Pengendalian Isu Halal dalam B.E 2552 (Syed Ager, 2019).

Oleh itu, di Malaysia dan Thailand, tiada undang-undang atau peraturan yang mewajibkan usahawan dan syarikat untuk mendapatkan pensijilan halal yang dilakukan secara sukarela (Noradha, 2016). Oleh itu, masih banyak makanan dan barangan pengguna di pasaran yang dikilangkan tanpa piawaian pemantauan halal atau logo halal.

2. Aktiviti Penyeludupan yang Masih Berleluasa

Fenomena penyeludupan merupakan satu cabaran dalam industri halal. Salah satu sebab utama masalah ini berlaku adalah kerana terdapat banyak pangkalan haram untuk menyeludup barangan melalui penggunaan sampan di sepanjang sempadan perairan Pangkalan Kubor, Tumpat sehingga ke Rantau Panjang (Fauzi, 2013). Walaupun terdapat pelbagai jenis anggota keselamatan yang diwujudkan untuk mengawal sempadan dari aktiviti ini seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Unit Kastam (bahagian penguatkuasaan), dan tentera yang bertugas untuk mengawal keluar-masuk barangan secara haram melalui perairan Sungai Golok, namun masalah penyeludupan masih dapat berlaku di kedua-dua negara. Di Malaysia, rakyat menggunakan laluan sungai yang sama untuk tujuan peribadi atau komersial menyeludup keperluan harian seperti makanan, pakaian, peralatan dapur, buah-buahan dan sayur-sayuran (Berita Harian, 2010). Menurut Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi, antara masalah baru yang timbul adalah penyeludup juga telah didapati untuk mengubah kaedah operasi mereka dengan menetapkan tempat transit sebelum mengangkut barang dengan bot atau sampan. Apabila paras air meningkat, mereka boleh mengangkut barang di tepi jalan yang mula banjir dan bukannya melalui pangkalan yang tidak dibenarkan. Hal ini telah menyebabkan peningkatan dalam kes penyeludupan di Malaysia.

Untuk membeli barangan keperluan harian yang berbeza, termasuk produk bersubsidi seperti minyak masak, gula dan tepung gandum, ramai warga Thailand menyeberangi Sungai Golok secara haram (Syed Ager, 2019). Di Thailand, Sungai Golok menjadi laluan utama mereka untuk melakukan aktiviti penyeludupan

disebabkan majoriti mereka yang tinggal di sepanjang sempadan Thailand bersekolah di sekitar Sungai Golok. Disebabkan sistem pendidikannya yang memenuhi keperluan individu yang lebih meminati pendidikan berlandaskan Islam, wilayah ini diutamakan oleh penduduk sempadan Thailand. Penduduk tempatan tidak terkejut apabila pihak Thai menggunakan sungai sebagai laluan utama mereka kerana ia lebih dekat daripada laluan yang menggunakan jambatan dan tidak memerlukan prosedur yang sama (Fauzi, 2013). Kebanyakan aktiviti penyeludupan barangan harian seperti petrol dan diesel berlaku antara Malaysia dan Thailand kerana harga petrol dan diesel di Malaysia jauh lebih rendah daripada harga di Thailand disebabkan harga subsidi yang diberi oleh kerajaan Malaysia. Oleh itu, penyeludup dari kedua-dua negara meraih faedah daripada perdagangan ini.

3. Ketidaktahuan Pemasaran Efisien bagi Produk Halal

Menurut artikel oleh Abdullah et al. (2015) kerana populasi Muslim di dunia semakin meningkat dua kali lebih laju, permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang mempunyai sijil halal akan turut meningkat. Di Malaysia, cabaran untuk memasarkan produk halal berlaku kerana masalah penjenamaan (Sazelin, 2009). Isu ini terjadi kerana sesetengah produk mengandungi jenama yang tidak Islamik atau Halal. Di Malaysia, terdapat agensi seperti Halal Development Corporation Berhad (HDC) yang berperanan untuk menggalakkan perniagaan sederhana dan kecil untuk memohon sijil halal agar dapat menembusi pasaran global. Namun, berdasarkan suatu kajian yang dijalankan oleh Sazelin Arif (2009), majoriti responden yang dilibatkan dalam analisa ini telah membuktikan bahawa golongan pengusaha kecil Melayu Islam tidak merasakan keperluan untuk memohon sijil halal kerana sudah mengandaikan produk mereka sudah halal. Masalah ini akan menyebabkan suatu barang yang halal kelihatan seperti tidak halal. Ini boleh menghalang pengaliran barangan daripada pengeluar dan usahawan kepada pengguna. Oleh itu, kepercayaan terhadap produk dan kemahiran adalah penting untuk memasarkan sesuatu produk pengusaha.

Di Thailand pula, terdapat usaha untuk memasarkan produk halal secara efektif dengan mengadakan agensi dengan kerjasama sub-jawatankuasa di bawah penyelarasan makanan export dan akreditasi makanan halal di bawah Biro Komoditi Asas Tani dan Standard Makanan dan The Halal Standard Institute of Thailand di bawah CICOT. Sistem yang diwujudkan, iaitu sistem akreditasi makanan halal Thailand yang mematuhi standard antarabangsa dan standard produk halal United Arab Emirates (UAE), merupakan suatu usaha untuk menarik pengusaha untuk memperluaskan produk mereka ke peringkat antarabangsa. Walaupun terdapat usaha sebegini, namun masalah utama yang timbul adalah kepercayaan yang rendah pengusaha Muslim dan bukan Muslim terhadap agensi yang terlibat dalam penyebaran maklumat berkenaan halal (Mahani, 2014). Hal ini disebabkan ketiadaan agensi yang terkenal seperti HDC di Malaysia.

4. Kurang Pemahaman Orang Awam

Menurut JAKIM antara cabaran terbesar mereka juga adalah berkenaan aspek pemahaman orang awam tentang fungsi JAKIM itu sendiri. Antara isu yang timbul ialah masyarakat cenderung untuk menyalahkan pihak JAKIM dalam segala perkara yang berkaitan dengan konsep halal. Kesannya, ia mampu memberi dampak buruk kepada imej dan nama JAKIM itu sendiri. Misalnya isu yang timbul sekitar bulan Mei tahun 2014 yang mana negara Malaysia dikejutkan dengan berita tentang terdapat kandungan DNA khinzir (*porcine*) telah dikesan dalam coklat *Dairy Milk* perisa kacang hazel dan juga kacang badam. Orang ramai tidak sewajarnya menyalahkan pihak JAKIM kerana terlepas pandang dalam kelulusan sijil halal yang diberikan kepada syarikat coklat tersebut. Hal ini kerana pihak JAKIM juga cakna dengan isu yang sedang hangat berkaitan status halal coklat tersebut. Jadi, bagi tujuan penyiasatan, *Cadbury* Malaysia secara proaktif mengeluarkan arahan agar kesemua produk yang terjejas ditarik keluar dalam masa sehari selepas isu tersebut diviralkan. Sementara itu, JAKIM telah menarik balik sijil halal dua produk berkenaan untuk membuat siasatan lanjut mengikut keperluan prosedur. JAKIM menghantar sampel produk dan bahan mentah dari barisan pemprosesan yang menghasilkan produk yang terkesan itu ke makmal Jabatan Kimia untuk diuji. Dalam masa 7 hari, hasil ujian rasmi dikeluarkan. Laporan itu secara muktamad menyatakan produk-produk itu tiada DNA babi. Oleh itu, masyarakat seharusnya lebih cakna sebelum

membuat tohmahan kepada pihak JAKIM.

Namun, lain pula cabaran yang dihadapi di negara Thailand dimana institut industri halal Thailand perlu mempraktikkan inisiatif-inisiatif yang berkesan untuk memberi pendedahan kepada khalayak ramai dalam usaha mengukuhkan lagi kehadiran Thailand pasaran halal di peringkat global. Oleh itu, Thailand mengambil langkah untuk mentakrifkan semula peranan dan tanggungjawab pihak berkuasa halal di Thailand. Tindakan ini penting kerana tugas yang sedang dijalankan oleh institut halal di Thailand, khususnya HST dan HSIT, nampaknya lebih sarat, berbeza dengan institut halal di negara lain seperti Malaysia. Oleh itu, orang ramai perlu mengambil tahu tentang perubahan bidang kuasa setiap institut yang berkaitan dalam industri halal ini. Setiap institut juga berperanan memaklumkan semua perubahan yang berlaku termasuk menerangkan peranan institut masing-masing sama ada dalam bentuk penulisan mahupun visual. Seperti yang diketahui umum, CICOT sendiri bertanggungjawab untuk memberi pensijilan halal untuk semua permohonan, manakala proses menjalankan ujian makmal halal dan pengauditan diberikan kepada HST dan HSIT. Selain daripada ujian makmal halal, HST dan HSIT juga bertanggungjawab untuk pemeriksaan dan pengauditan standard halal, latihan halal dan perundingan, penguatkuasaan undang-undang halal, kempen kesedaran halal, promosi jenama halal di peringkat nasional dan antarabangsa dan peruntukan rakan kongsi berpotensi untuk jenama halal. Ia menunjukkan bahawa Thailand menghadapi cabaran dari segi pemfokusan badan pentadbir untuk memenuhi pelbagai peranan. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar setiap badan pengelola halal di Thailand lebih fokus dan memberi penumpuan kepada objektif tertentu. Pendekatan ini mungkin boleh meningkatkan prestasi industri halal Thailand di peringkat global, dan ia tidak mustahil untuk diatasi Malaysia sebagai peneraju dunia dalam pensijilan dan akreditasi halal.

5. Sikap degil Peniaga dan Pengusaha Mematuhi Prosedur

Sikap degil peniaga dan pengusaha bumiputera yang beragama Islam dalam mematuhi keperluan umum pensijilan halal yang telah ditetapkan juga menjadi cabaran utama kepada pihak JAKIM. Berdasarkan temubual yang dijalankan, didapati bahawa ramai pemohon yang terdiri daripada golongan peniaga dan pengusaha, beranggapan bahawa status muslim mereka sudah cukup untuk melayakkan mereka beroperasi tanpa mendapatkan pelepasan daripada JAKIM. Kesannya, timbul masalah dari sudut lain seperti sudut kebersihan premis, operasi penyediaan makanan atau proses pembuatan produk. Contohnya, terdapat kes di mana sebuah restoran milik peniaga muslim di Kepong, Selangor telah diarahkan tutup setelah didapati bahawa mereka beroperasi dalam premis yang kotor dan menggunakan sijil halal palsu (Astro Awani, 2019). Selain itu, tanggapan segelintir peniaga dan pengusaha yang merasakan bahawa memiliki sijil halal tidak mendatangkan banyak faedah kepada mereka turut menjadi cabaran. Hal ini terbukti apabila masih ramai dalam kalangan mereka yang tetap menjalankan perniagaan tanpa rasa bersalah. Malahan, mereka dengan baik mempunyai pelanggan setia yang ramai. Tambahan pula, ramai dalam kalangan pemohon mendakwa proses untuk mendapatkan sijil halal agak leceh dan memerlukan masa. Kesannya, para peniaga dan pengusaha membatalkan niat untuk mendapatkan logo halal tersebut bagi produk atau premis mereka. Contohnya dalam kes tertentu, bagi mendapatkan pensijilan halal, pemohon perlu memenuhi banyak kriteria yang telah ditetapkan oleh ahli Jawatankuasa Agama Islam Negeri (JAIN) sekiranya permohonan mendapatkan sijil halal dikemukakan ke institusi tersebut, Pejabat Perdagangan dalam Negeri, KPDKK, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Majlis Perbandaran dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MaQiS).

Seperti yang telah diketahui umum, Thailand merupakan sebuah negara pengekspor produk halal ke-12 yang terkemuka di dunia dan pengeluar makanan halal ke-5 terbesar di dunia. Namun begitu, negara ini turut menempuh cabaran dalam menghadapi kerenah pemohon-pemohon sijil halal memandangkan Thailand bukanlah negara dengan majoriti penduduk beragama Islam. Di Thailand, industri pelancongan adalah salah satu sektor yang banyak menyumbang kepada kejayaan industri halal negara tersebut. Industri ini telah membantu memperkukuhkan lagi penjenamaan halal negara, keseragaman definisi dan piawaian halal serta sokongan berkesan kepada PKS tempatan. Walaupun begitu, masih ramai pengusaha atau peniaga yang terlibat dalam sektor perlancongan ini yang menipu berkaitan sosialiti agama Islam. Menurut akhbar atas talian yang bertajuk "*Halal food industry challenged with fraudulent product and certification disputes*" oleh Laura Syrett (2022), wujud isu

penipuan ke atas daging khinzir yang bersalut darah lembu yang dijual sebagai daging lembu di pasaran makanan halal di Thailand. Hal ini boleh merisikokan, kebajikan penduduk serta pelancong yang beragama Islam dalam bab makanan halal. Perbuatan ini berkemungkinan berlaku kerana peniaga bukan Islam mahu mengaut keuntungan dengan menyasarkan pelanggan muslim, tapi enggan mematuhi prosedur pensijilan halal. Kesannya, mereka mengambil jalan mudah dengan menipu pengguna Islam. Selain itu, terdapat pembekal yang mengambil peluang untuk memperkenalkan daging tidak halal ke dalam bekalan daging halal kerana hanya memikirkan keuntungan sendiri. Memandangkan daging halal adalah lebih mahal berbanding daging tidak halal disebabkan kos buruh, pemeriksaan dan pensijilan halal serta peningkatan permintaan produk halal yang mengatasi bekalan, mereka yakin dengan memperkenalkan pilihan yang lebih murah (daging tidak halal), mampu menarik perhatian peniaga dan pengguna muslim.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perkembangan industri halal di Malaysia dan Thailand amat memberangsangkan dan menunjukkan perkembangan yang positif ke arah merealisasikan hasrat negara masing-masing untuk menjadi negara utama dalam menawarkan produk halal kepada dunia. Pensijilan halal di kedua-dua negara dikawal oleh akta, standard dan prosedur yang digubal selari dengan kehendak syariah bagi menghasilkan produk *halal-tayyib* yang menjadi pilihan pengguna Muslim dan bukan Muslim. Dari segi proses dan prosedur, Malaysia menguruskan pensijilan halal mengikut skim yang berbeza manakala di Thailand hanya mengguna pakai satu proses untuk semua produk. Selain itu, di Malaysia, permohonan boleh dilakukan secara online, manakala Thailand masih menggunakan sistem manual. Dari segi cabaran yang dihadapi pula, kedua-dua negara menghadapi isu yang hampir sama iaitu i) tiada akta halal yang jelas;, ii) aktiviti penyeludupan yang masih berleluasa;, iii) ketidakmampuan pemasaran efisien;, iv) kurangnya pemahaman orang awam dan;, v) sikap degil peniaga dan pengusaha mematahi prosedur. Oleh kerana industri ini telah berkembang untuk sekian tempoh, jadi terdapat peluang dan kelebihan yang boleh menjadi pemangkin serta cabaran-cabaran yang perlu ditangani secara komprehensif.

Penghargaan: Terima kasih diucapkan kepada semua penulis dan penaja yang terlibat.

Rujukan

- Abdullah, M. b., Syed Ager, S. N., Hamid, N. A., Wahab, N. A., Saidpudin, W., Miskam, S., Shahwahid, F. M., & Othman, N. (2015). War 10 Isu Dan Cabaran Pensijilan Halal: Satu Kajian Perbandingan Antara Malaysia Dan Thailand. *World Academic And Research Congress 2015*, 19.
- Arif, S. (2009). Keupayaan Pemasaran dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal. *MALIM*, 26.
- Abdul Aziz Dahlan, et.al. (1997). *Ensiklopedia Hukum Islam*. (Jld. 2). Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Bahagian Pengurusan Halal (2016, April 23). *7th Halal Certification Bodies Convention 2016*. Portal Rasmi JAKIM - 7th Halal Certification Bodies Convention 2016. Retrieved January 26, 2023, from <https://www.islam.gov.my/>.
- Battour, M. M., Ismail, M. N., & Battor, M. (2013). Toward a halal tourism market. *Tourism Analysis*, 15(4), 461-470.
- Buang, A. H., & Mahmud, Z. (2012). ISU DAN CABARAN BADAN PENSIJILAN HALAL DI MALAYSIA. *Jurnal Syariah*, 20, 18.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2000). *Kamus Dewan (Edisi 3)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali, M. A., & Md. Sawari, S. S. (2014). Amalan Standard Halal Di Negara-Negara Asia Tenggara. *Full Paper International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1(1), 10.
- Ghazali, M. A., & Md. Sawari, S. S. (2015). Mengglobalisasikan Sistem Piawaian Standard Halal Malaysia di Peringkat Dunia. *Sains Humanika*, 5(3).

- Ghazali, M. A. I. I., & Md. Sawari, S. S. (2015). STANDARD PIAWAIAIAN HALAL DI MALAYSIA MENURUT PERUNDANGAN, KELEBIHAN DAN KEKURANGAN. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(2), 6.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar (2014). HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- Hussin, F., Abdullah, N., Abdullah, H., & Maamor, S. (2013). Aktiviti Ekonomi Sempadan di Perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan cabaran. *PROSIDING PERKEM VIII*, 1, 11.
- Idris, J., & Abdul Wahab, N. (2015). The Competitive Advantages of Sharia-Compliant Hotel Concept in Malaysia: SWOT Analysis. Retrieved from: <http://www.kuis.edu.my/icomm/2nd/download/IC%20015.pdf>.
- Jakim tidak pernah lantik perunding untuk sijil halal. (2019, November 4). *Malaysiakini*. <https://m.malaysiakini.com/news/498680>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Penemuan Utama Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia
- Koty, A. C. (2022, November 10). *How to Obtain Halal Certification in Malaysia*. ASEAN Briefing. Retrieved February 5, 2023, from <https://www.aseanbriefing.com/news/how-to-obtain-halal-certification-in-malaysia/>.
- Mahani Abdul, (2014), Perception on Halal Food Certification in Hat Yai, Thailand, *International Journal of Economics and Management*, 8(1), pp178-194
- Mamat, M. Z., Musa, N. Z., & Hasbullah, M. (2017, August). Institutionalization of Halal Industry in Malaysia and Thailand: A Preliminary Study. 8.
- Medina. (2022, September 16). *Thailand's Islamic Economy*. ASEAN Business News. Retrieved January 26, 2023, from <https://www.aseanbriefing.com/news/thailands-islamic-economy-sourcing-and-consumer-market-opportunities/>
- Mustafa, S. (2021, December 19). *Limpahan Sungai Golok mudahkan kegiatan penyeludupan*. Berita Harian. Retrieved February 7, 2023, from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/12/901588/limpahan-sungai-golok-mudahkan-kegiatan-penyeludupan>.
- Negara, W.L. (2022) NGO Thailand salahkan produk halal punca barang mahal di 7-eleven, Utusan Malaysia. Available at: <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/09/ngo-thailand-salahkan-produk-halal-punca-barang-mahal-di-7-eleven/>
- Nor 'Adha Abdul Hamid, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah. et.al. 2015. Industri Makanan Halal Serantau: Kajian Di Malaysia Dan Indonesia. *World Academic And Research Congress 2015 (World-AR 2015)*
- Peranan Jawatankuasa pusat islam Thailand Dalam Isu-Isu Kepenggunaan Halal di Thailand*. Available at: https://www.researchgate.net/publication/287335813_Peranan_Jawatankuasa_Pusat_Islam_Thailand_Dalam_Isu-Isu_Kepenggunaan_Halal_Di_Thailand (Diakses lada February 6, 2023).
- Samori, Z., & Rahman, F. A. (2015). Establishing shariah compliant hotels in Malaysia: Identifying opportunities, exploring challenges. *West East Journal of Social Sciences*, 2(2), 95-108.
- Sazelin Arif, (2009), Keupayaan Pemasaran dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal, *MALIM*, Bil. 10, pp183-208
- Shafaki, R. E. (2022, August 29). *State of the Global Islamic Economy Report 2022*. Dinar Standard. <https://www.dinarstandard.com/post/state-of-the-global-islamic-economy-report-2022>
- Shafii, Z., Zubir, S. N., & Rahim, N. F. (2018). Halal Governance And Assurance: A Comparative Study Between Malaysia And Thailand. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 1(1), 11.
- Sijil halal palsu, dapur berlipas antara sebab restoran diarah tutup. (2019, January 28). *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sijil-halal-palsu-dapur-berlipas-antara-sebab-restoran-diarah-tutup-197169>

- Syed Ager, S. N. (2019). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Produk Halal Di Kawasan Sempadan Malaysia- Thailand: Satu Tinjauan. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 17.
- Syrett, L. (2022, January 7). *Halal food industry challenged with fraudulent products and certification disputes*. Salaam Gateway. Retrieved February 5, 2023, from <https://www.salaamgateway.com/story/halal-food-industry-challenged-with-fraudulent-products-and-certification-disputes>.
- The emergence of halal food industry in non-Muslim countries: *A case study of Thailand*. Available at: https://www.researchgate.net/publication/334910541_The_emergence_of_halal_food_industry_in_non-Muslim_countries_a_case_study_of_Thailand
- Waehama, W., Alam, M. M., Hayeemad, M., & Waehama, W. (2018). Challenges and Prospects of the Halal Hotel Industry in Muslim-majority and Muslim-minority Countries: The Case of Malaysia and Thailand. *Journal of Halal Industry and Services*, 1(1), 5.
- Zulkifli Hassan (2007). Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan. *Konvensyen Kebangsaan Undang-undang: Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan*. 11-12 Ogos 2007.1-21.

Temubual

- Mohd Faizal Saaidin. (2022). Prosedur dan Protokol serta Cabaran Industri Halal Malaysia, Bangi. Temu bual, 17 Jun.
- Pakorn Priyakorn. (2022). *The Obstacle of Halal Industry in Thailand*, Bangkok. Temu bual, 13 September.
- Rosa Adrienne Anuar. (2022). Prosedur dan Protokol Pensijilan Halal Malaysia. Bangi. Temu bual, 18 Julai.